



جَابِرٌ مَّفْتِيٌّ كَرِيْمٌ قَلْبٌ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

**Soalan:**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

1. Saya ada terbaca di website Kementerian Kesihatan Malaysia bahawa syarat derma organ 18 tahun ke bawah perlu keizinan penjaga, namun 18 tahun boleh menderma tanpa keizinan ibu bapa, persoalannya jika seseorang itu yang berumur lebih 18 tahun menderma organ, tetapi mendapat tentangan ibu-bapa, maka apa hukum derma organ itu?
2. Derma organ terbahagi kepada 2 jenis iaitu human transplant dan juga xenotransplant ini merupakan pemindahan organ haiwan kepada organ manusia, dan haiwan yang digunakan adalah babi kerana organ haiwan itu hamper serupa dengan organ manusia. Persoalan saya, apa hukum xenotransplant ini.

**Jawapan :**

و عليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi besar junjungan kita Muhammad SAW, keluarga, sahabatnya dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada puan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

### Jawapan soalan 1

Hukum menderma organ tanpa keizinan ibu bapa adalah **haram hukumnya**.

Dalam surah al-Isra' ayat 23-24 telah berfirman Allah SWT:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا  
أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Maksudnya: *Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau keduanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ah", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).*

Daripada ayat ini, dapat kita fahami bahawasanya wajib kita menunaikan hak-hak seperti memelihara mereka dengan baik serta janganlah kita melakukan sesuatu yang menyinggung perasaan mereka. Pengorbanan mereka membesarkan anak-anak sejak dari kecil lagi kita tiada tolak bandingnya serta tidak mampu dibalas dengan wang ringgit. Oleh kerana itu, kita wajib mematuhi

segala perintah dan arahan mereka selagimana ianya tidak bertentangan dengan syarak.

Walaupun pada asalnya hukum derma organ ini adalah harus. Namun keharusan tersebut tertakluk juga kepada persetujuan daripada ibu bapa.

### **Jawapan soalan 2**

Menggunakan organ haiwan yang diharamkan oleh Islam kepada manusia adalah **haram hukumnya** kecuali apabila dalam keadaan darurat (mendesak dan tiada alternatif yang lain) ianya boleh digunakan. Pendapat ini telah disepakati oleh majoriti ulama' antaranya Imam Nawawi dalam kitab Majmu' Syarh Muhazzab.

Oleh itu, jabatan ini menyarankan jika selagimana masih ada ibu bapa, tunaikanlah hak-hak mereka supaya terjamin kehidupan kita dunia akhirat. Sepertimana sabda Nabi SAW:

رِضَا اللَّهِ فِي رِضَاءِ الْوَالِدِ ، وَسَخَطُ اللَّهِ فِي سَخَطِ الْوَالِدِ

Maksudnya: "Allah redha dengan sebab redha kedua ibubapa dan Allah murka dengan sebab murka kedua ibubapa."

Riwayat Al-Tirmizi

Rujukan

1. Al-Quran Dan Terjemahan
2. Sunan Al-Tirmizi
3. Al-Nawawi, *Majmu' Syarh Muhazzab.*